

Adaptasi Budaya Pelajar Perempuan Islam Antarabangsa Di Universiti Kebangsaan Malaysia

*Cultural Adaptation of Female Muslim International Student in
National University of Malaysia*

Nurul Syahidah Bt. Ahmad
Abdul Latiff B. Ahmad

Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

alba@ukm.edu.my

ABSTRAK

Dapatan kajian juga harus dikongsi dengan mengenalpasti bagaimana proses akulturasi atau asimilasi berlaku terhadap pelajar perempuan Islam antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang melanjutkan pengajian mereka dalam bidang sarjana muda, sarjana dan PHD. Kajian ini juga mengkhususkan hanya kepada proses adaptasi budaya dengan menggunakan Model Lekuk-U oleh Lysgaard (1955). Kajian ini ingin menghurai kesan penghijrahan yang berlaku oleh pelajar perempuan Islam antarabangsa sepanjang mengadaptasi diri mereka dengan budaya baru dan apakah faktor tarikan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di Malaysia. Kajian ini turut dilaksanakan menggunakan kaedah temubual sekaligus mengenalpasti para pelajar antarabangsa melalui fasa adaptasi budaya sebagai seorang perempuan Islam. Antara hasil dapatan kajian mendapati bahawa wanita-wanita ini telah berjaya mengharungi segala cabaran dan berjaya mengadaptasikan diri di Malaysia. Mereka juga melalui kejutan budaya serta menempuhi cabaran untuk mengadaptasi namun mereka mampu mengatasinya. Mereka mempercayai bahawa agama membantu mereka dapat mengadaptasikan diri mereka di sini.

Kata kunci: Proses Akulturasi, Proses Asimilasi, Model Lekuk-U, Pelajar Perempuan Islam Antarabangsa, Faktor Tarikan.

ABSTRACT

This research aims to identify how the process of acculturation or assimilation occurs among female Muslim international students who are furthering their studies in the National University of Malaysia (UKM). This research also focused on the cultural adaptation process using Lysgaard's (1995) U-Curve Model. This research sought to elaborate on the effects of migration on female Muslim international students as they adapt to new cultures and the factors that draw international students in furthering their studies in Malaysia. This research was conducted using in depth interviews identifying what international students going through within the cultural adaptation phase as a Muslim woman. Among the key findings from the research states that these women managed to endure all the challenges and succeeded in adapting themselves in Malaysia. They do go through cultural shock and find difficulties to adapt however they managed. They believe that religion helps for them to adapt themselves here.

Keywords: *Process of Acculturation, Process of Assimilation, U-Curve Model, Female Muslim International Student, Attraction Factors.*

1. Pengenalan

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan salah satu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia yang mendapat permintaan yang tinggi daripada pelajar luar negara untuk melanjutkan pengajian di UKM. Datuk Dr. Zulkefli A.Hassan mengatakan langkah utama kementerian pendidikan dalam membangunkan modal insan negara dengan menggesa serta menggalakkan perkongsian ilmu dengan universiti luar negara (Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V 2010).

Kerjasama dalam bidang pendidikan antara dua benua merupakan inisiatif yang terbaik untuk mempelajari budaya baru di tempat baru sekaligus memastikan UKM tidak ketinggalan dalam pencapaian tertinggi berbanding dengan IPT yang lain. Perkembangan dunia global, negara Malaysia merupakan negara kelompok ketiga destinasi yang paling terkenal serta penting dalam dunia pendidikan tinggi (Verbik & Lasanowski, 2007). Secara tidak langsung, pelajar memilih untuk belajar di luar negara kerana mahu menambah pengalaman serta mahu merasai sistem belajar dan budaya baru. Jadi, untuk kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenalpasti bagaimana proses akulturasi, asimilasi, adaptasi dan kejutan budaya pelajar perempuan islam antarabangsa di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta untuk mengenalpasti faktor tarikan pelajar antarabangsa memilih Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah. Makalah ini bertujuan untuk:

- i. Menenalpasti bagaimana proses akulturasi atau asimilasi berlaku terhadap individu yang berhijrah ke tempat baru.
- ii. Mengkaji kesan penghijrahan yang berlaku apabila seseorang melanjutkan pengajiannya di negara lain.
- iii. Mengetahui faktor tarikan pelajar Antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di Malaysia.

2. Tinjauan Literatur

Tinjauan terhadap kesusasteraan ini mempunyai perkara utama yang dapat membantu dan menjadi tema penting untuk menyempurnakan kajian ini. Kajian-kajian lepas ini adalah hasil penulisan dan pengumpulan data yang telah dilakukan oleh pengkaji lain dan hasil penulisan ini dibahagikan dengan 6 komponen bagi memastikan perletakan dan penggunaan sumber dengan betul.

Dimensi Budaya Dalam Adaptasi

Para sarjana membincangkan bahawa adaptasi itu adalah proses yang wajib dilalui oleh pelajar antarabangsa yang berhijrah ke negara lain dalam menghadapi adaptasi sosial, persekitaran, bahasa dan budaya. Oleh itu, pengkaji akan menitikberatkan terhadap kajian-kajian lepas yang menggunakan kaedah serta teknik yang sama bagi membuktikan proses adaptasi itu berlaku terhadap pelajar yang berhijrah dengan memfokuskan golongan yang beragama Islam.

Kajian mengenai cabaran seorang Muslim dan isu-isu yang dihadapi oleh pelajar Islam menunjukkan para pelajar ini menghadapi cabaran sosial, persekitaran dan sekaligus mengadaptasi diri sebagai Muslim. Dua budaya yang berbeza memperlihatkan pelajar-pelajar menghadapi satu lagi pengalaman adaptasi iaitu komunikasi antarabudaya (Abdul

Latiff Ahmad, Nur Zalila Md Zamri, Ali Salman, Mirza Wati Mohamed & Hasrul Hashim, 2014).

Secara konklusinya, kajian-kajian lepas yang diperoleh dapat dijelaskan apakah yang dimaksudkan dengan proses adaptasi dan contoh-contoh kes yang menunjukkan pelajar antarabangsa menghadapi proses adaptasi budaya serta cabaran yang dihadapi oleh mereka.

Dimensi Budaya Dengan Asimilasi

Proses asimilasi ni akan wujud sekiranya timbul diantara kelompok manusia yang mempunyai perbezaan budaya dan apabila seseorang individu dari kelompok budaya yang lain bergaul secara intensif dalam tempoh masa yang lama sehinggakan unsur budaya asalnya hilang dan berubah kerana dapat menyesuaikan diri dengan budaya yang baru.

Penerimaan dan penyesuaian komuniti Islam di Australia membincangkan prasangka yang menghalang penyesuaian budaya orang Islam adalah lebih rendah dan bahaya serta secara langsung adalah tidak serasi dengan budaya Australia yang bukan Islam. Penyesuaian psikologi dan sosiobudaya umat Islam menunjukkan proses penyesuaian dengan menerima kebudayaan warisan asal Australia (Maram H. Abu Rayya, Walker, R, Fiona A. White & Abu-Rayya, 2016).

Dimensi Budaya Dengan Akulturasi

Terdapat banyak kajian lepas yang mempunyai perkaitan dimensi budaya dengan akulturasi dimana ramai sarjana Barat dan Timur mempunyai pendapat yang berbeza kerana budaya di sesebuah Negara adalah berbeza dengan negara lain walaupun mempunyai bangsa dan agama yang serupa.

Seperti dalam kajian lepas yang dipilih banyak membincangkan mengenai bagaimana seseorang pelajar yang berhijrah itu melalui proses akulturasi dengan budaya baru tanpa menghilangkanan unsur budaya asal atau keperibadian diri sendiri (Possamai, A, Hopkins, P.E, Dunn, K & Faroque Amin, 2016). Malah dalam kajian lepas juga membincangkan pengajian mobiliti adalah suatu proses yang menyepadukan dimensi antarabangsa dan budaya yang berbeza (Knight, 2004).

Dimensi Budaya Dengan Kejutan Budaya

Kejutan budaya untuk beberapa darjah apabila menghadapi persekitaran baru secara sosial, psikologi dan budaya yang berbeza. Pelajar juga menyatakan bahawa perbezaan dalam kaedah pengajian dengan kaedah yang biasa mereka gunakan memberikan cabaran yang terbesar dalam proses pembelajaran.

Seperti kajian lepas yang dipilih membuktikan bahawa pelajar antarabangsa mempunyai kesukaran bersaing dalam akademik dimana penggunaan bahasa yang ternyata sangat berbeza dengan negara dan budaya asal di dalam kuliah. Kesukaran belajar dan menyatakan diri dalam bahasa Inggeris yang sekaligus mengwujudkan cabaran di luar kelas seperti mengalami budaya baru serta hidup jauh dari keluarga dan rakan-rakan. Hasil kajian ini membawa kepada empat tema seperti kejutan budaya, kesulitan bahasa yang berkaitan dengan masalah menulis dan komunikasi, perbezaan budaya dan pengasingan (Hazza M, 2017).

Dimensi Budaya Dengan Wanita Islam

Rasulullah SAW yang juga manusia yang termula sepanjang zaman mengakui dan memuliakan wanita kerana beliau telah bersabda “Sesungguhnya dunia ini adalah perhiasan dan tidak ada di antara perhiasan di dunia yang lebih baik daripada wanita yang solehah.” (HR. Ibnu Majah).

Pengalaman pelajar perempuan Islam yang jauh dari sokongan keluarga dalam penyesuaian agama, kebudayaan serta pendidikan memperlihatkan kemampuan mereka dalam menyesuaikan diri dalam perbezaan budaya serta pendidikan di negara yang berbeza. Perbezaan ini juga mungkin mempengaruhi wanita Muslim secara unik seperti peranan wanita dalam tradisi di negara asal seperti pengasingan lelaki dan wanita serta pakaian yang mengikut syariat Islam (McDermott-Levy, R, 2011).

Dimensi Budaya Teori Lekuk-U

Model lekuk-U adalah proses percubaan individu menyesuaikan diri dengan keadaan baru. Model lekuk-U mempunyai empat peringkat iaitu peringkat bulan madu, kejutan budaya, penyesuaian dan terakhir peringkat penguasaan.

Kajian lepas yang diperoleh menunjukkan proses yang dilalui pelajar tentang pengalaman dalam pelbagai cara yang melibatkan faktor dalaman dan luaran seperti jangkakan budaya yang berbeza, penyesuaian pelajar serta rintangan terhadap norma sosial (Yu-Yi Grace Chien, 2016).

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan Model Lekuk-U sebagai medium utama di dalam pencarian maklumat yang terperinci. Kawasan kajian yang digunakan bagi mendapatkan responden dan data responden adalah di kawasan Kampus Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Persampelan

Persampelan bagi kajian ini ialah lima responden pelajar perempuan Islam antarabangsa yang berasal dari pelbagai negara iaitu Bangladesh, Pakistan, Iraq, North China dan Indonesia. Kod persampelan bagi responden ini ialah RB, RP, RQ, RC dan RI.

Analisis Data

Huraian dan perbincangan setiap fasa berdasarkan lekuk U dan objektif kajian, dilihat responden rata-ratanya mempunyai semangat dan keyakinan yang kuat dalam menghadapi proses adaptasi budaya mereka di Malaysia dan di UKM. Malah responden memberikan anggapan bahawa setiap kesukaran dan cabaran yang mereka hadapi adalah perkara yang biasa dan bukan satu masalah yang tiada jalan penyelesaiannya untuk mereka terus memperbaiki diri mereka. Berdasarkan proses lekuk-U, responden akan melalui fasa bulan madu apabila setibanya di UKM dan di Malaysia. Seterusnya responden akan mengalami kesukaran dengan fasa kejutan budaya dan melalui fasa penyesuaian dengan budaya baru di UKM dan Malaysia sekaligus fasa penguasaan dimana responden sudah boleh menjalani kehidupan seharian tanpa masalah. Kesemua data ini direkod mengikut 4 proses Model Lekuk-U secara mendalam dan menyeluruh.

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Bulan Madu (Honeymoon)

Bulan madu ialah fasa pertama atau minggu pertama seseorang individu itu sampai di negara baru dan akan terpesona akan persekitaran dan budaya baru yang sangat berbeza dengan negara asalnya. Melalui hasil kajian yang sudah diperolehi, data daripada lima perempuan Islam antarabangsa yang ditemu bual sudah melalui proses tersebut. Hal ini kerana, ada responden mengatakan sangat senang dan seronok untuk berkomunikasi dengan masyarakat yang berasal dari negara yang berbeza malah mereka juga sangat suka akan budaya di Malaysia kerana ianya sangat menarik. Tambahan pula, ada juga

mengatakan bahawa berasa selesa untuk memakai pakaian tradisional masing-masing kerana rakyat Malaysia tidak akan memandang terhadap mereka.

Hal ini menunjukkan rakyat Malaysia dan pelajar tempatan sendiri lebih bersifat terbuka dalam menerima budaya lain yang dibawa oleh pelajar antarabangsa terutama sekali dengan cara pemakaian mereka yang jelas sekali amat berbeza dengan cara pemakaian di negara Malaysia. Tambahan pula, Perbualan dibawah merupakan kenyataan daripada responden dan dapat dibuktikan. Namun apa yang menarik, ada responden mengatakan bahawa beliau tidak berasa terpinggir apabila sampai ke Malaysia kerana rata-ratanya pelajar tempatan sangat membantu beliau ketika beliau berada di sini seperti pelajar tempatan bukan sahaja memberi tunjuk arah kepadanya malah mereka menemani beliau terus ke tempat tersebut dan sekaligus memberikan satu persepsi yang positif kepada beliau.

4.2 Kejutan Budaya (Culture Shock)

Kejutan budaya pula merupakan proses kedua yang akan dihadapi oleh individu yang berhijrah dan ianya menunjukkan keadaan yang sebenar apabila individu tersebut sedang dalam proses sebelum menyesuaikan diri. Melalui proses ini juga, kelima-lima responden telah menghadapi proses ini. Rata-ratanya mengatakan masalah perbezaan bahasa membuatkan mereka mengambil masa yang lama untuk mengadaptasikannya. Tambahan pula, perbezaan bahasa ini juga membuatkan mereka sukar untuk menambah kenalan dengan pelajar tempatan. Masalah bahasa pada awalnya sangat memberi kesusahan kepada mana-mana penghijrah yang berhijrah ke luar negara kerana perlu menguasai bahasa tempatan contohnya, Bahasa Malaysia. Namun, penggunaan Bahasa Inggeris juga sudah menjadi bahasa *lingua franca* dimana telah menjadi bahasa global komunikasi antarabangsa dan digunakan di seluruh dunia sebagai bahasa hubungan atau bahasa perantaraan antara penghijrah yang berasal dari negara yang berbeza.

Hal yang demikian, menjadi salah satu faktor atau penyebab utama yang menjadi penghalang dan kesukaran kepada pelajar antarabangsa untuk berkomunikasi terutama bersama rakan sekelas, staf akademik dan pihak pengurusan kolej kediaman. Salah seorang responden menyatakan bahawa beliau menghadapi kesukaran berkaitan kolej kediamannya kerana majoriti pekerja di pejabat pengurusan tidak mahir untuk bertutur dalam bahasa Inggeris sekaligus tidak dapat melayan atau menjawab persoalannya berkenaan sesuatu isu. Manakala berbeza pula dengan dua orang responden yang lain dimana diantara mereka agak lemah untuk berkomunikasi dan menulis dalam Bahasa Inggeris serta Bahasa Malaysia dan seorang lagi lemah dalam Bahasa Malaysia dan ianya memberi kesukaran kepada mereka untuk memahami dan lebih fokus tentang apa yang mereka pelajari dalam kuliah. Seperti sedia maklum, bahasa adalah perkara yang sangat penting dalam memastikan sesuatu mesej dapat diterima dan disampaikan dengan baik dan perlulah difahami oleh kedua-dua pihak. Melalui isu ini, dapat dibuktikan pelajar antarabangsa juga perlu mengambil berat dalam mempelajari bahasa tempatan iaitu Bahasa Malaysia sekaligus mengurangkan kesukaran yang mereka hadapi dan dapat menguasai pelbagai bahasa.

Ada juga responden mengatakan perbezaan budaya yang meletakkan satu penghalang atau limit di antara lelaki dan perempuan terutama dalam konsep pergaulan dan kebebasan perempuan di Malaysia serta dalam penggunaan pengangkutan sendiri yang membuatkan responden agak terkejut kerana Malaysia juga salah satu negara Islam. Melalui pendapat responden ini, memang benar Malaysia merupakan negara yang agak bebas terutama dalam bergaul antara perempuan dan lelaki kerana di universiti sudah pasti akan ada tugasan berkumpulan dimana lelaki dan perempuan dicampurkan dan dijadikan satu kumpulan namun ianya masih lagi mengikut syariat sebagai seorang Muslim dengan

menjaga batas percakapan, pergaulan yang bersentuhan dan tidak berlapik sesama yang ajnabi. Mungkin budaya ini agak mengejutkan bagi pelajar perempuan Muslim yang datang dari negara Islam yang lain kerana di tempat mereka sangat menjaga pergaulan sehinggalah ada juga wanita yang tidak dibenarkan untuk keluar rumah kerana tidak mahu menimbulkan fitnah.

Tambahan pula, peraturan di negara Islam yang lain kebanyakannya berteraskan undang-undang syariah. Misalnya seperti petikan akhbar Kosmo Online pada 22 November 2013 menyatakan di negara Arab Saudi, mengikut Mufti Besar Arab Saudi, Sheikh Abdul Aziz Al-Asheikh sangat kuat menentang golongan wanita bekerja dan memandu kenderaan dan bagi pendapat beliau juga, penglibatan wanita dalam dunia politik juga bakal membuka ruang kepada kejahatan.

Selain itu, kesemua responden mengalami kejutan budaya dari segi perbezaan makanan dan cuaca kerana agak sukar bagi mereka untuk menerima makanan asasi negara Malaysia iaitu nasi dan makanan di Malaysia dikatakan agak terlalu pedas manakala bagi cuaca pula dikatakan terlalu panas dan ianya tidak sesuai untuk manusia. Seperti sedia maklum nasi sememangnya makanan ruji rakyat Malaysia dan merupakan makanan asasi dan makanan tradisi turun temurun dan ianya agak sukar bagi pelajar antarabangsa untuk membiasakan penerimaan makanan di sini. Berbeza pula dengan makanan ruji mereka seperti roti, mi, kurma yang jelasnya lebih ringkas dan ringan berbanding nasi. Malah responden juga mengatakan pada awal atau permulaan adaptasi mereka di sini, mereka mempunyai masalah dari segi rasa makanan kerana makanan disini agak pedas dan berempah.

4.3 Penyesuaian (*Adjustment*)

Penyesuaian merupakan fasa atau peringkat ketiga yang dihadapi oleh responden-responden apabila mereka melanjutkan pengajian di UKM apabila mereka akan membuat penerimaan atau penolakan terhadap budaya dan keadaan yang berbeza dari negara asal mereka. Penyesuaian juga dikatakan proses pelarasan untuk responden menyesuaikan diri dan menerima nilai-nilai baru di Malaysia dan UKM. Pengkaji mendapati responden mencuba mencari jalan penyelesaian terutama dari segi perbezaan bahasa untuk mereka selesa dalam norma yang baru dan menunjukkan fasa ini adalah fasa yang menunjukkan responden sudah mula belajar dan memahami budaya dan cara masyarakat Malaysia.

Pelajar antarabangsa sedaya upaya mencari jalan alternatif untuk memastikan dapat menguasai bahasa. Pertolongan daripada pelajar tempatan juga dalam membantu pelajar antarabangsa memperbaiki masalah penguasaan bahasa Malaysia dapat dibuktikan kerana mereka sangat prihatin tentang kesukaran yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa terutama untuk menyelesaikan tugas. Dalam fasa ini juga melihatkan responden sedang mencuba untuk mengaplikasikan ilmu dan gaya yang diperolehi oleh pelajar tempatan dan merasa lebih selesa kerana sudah tahu bagaimana untuk menyesuaikan dan bertindak dalam budaya yang baru.

Persamaan sebagai seorang Muslim seperti keseluruhan budaya hidup yang diamalkan dalam ajaran agama Islam sangat membantu responden untuk menyesuaikan diri di Malaysia. Amalan seharian seperti solat boleh dilakukan tanpa risau serta mudahnya untuk mendapatkan makanan yang halal di merata tempat sangat membantu responden mengadaptasi diri mereka dengan mudah dan cepat kerana persamaan budaya antara negara sedikit sebanyak mengurangkan penyukaran proses pengadaptasian. Namun, ada juga responden merasakan Islam di sini agak indah dan membuatkan beliau terasa terbuka hati menerima Islam dan mempunyai persepsi yang positif tentangnya. Hal ini dapat dibuktikan juga, konsep menjadi seorang Muslim di Malaysia memberikan mereka satu

kesenangan dan peluang untuk mereka menjadi seorang Muslim yang fleksibel dalam memperbaiki diri sendiri untuk menjadi seorang yang lebih berguna.

4.4 Penguasaan (Mastery)

Pengkaji mendapati bahawa pengalaman lepas membuatkan responden menjadi lebih berfikiran terbuka untuk menerima budaya baru sebagai rutin baru dan menjadikan mereka lebih yakin akan diri sendiri sekaligus menjadikan mereka seseorang yang lebih berdikari tanpa bergantung kepada orang lain. Hal ini membuktikan, gaya hidup sebagai orang Malaysia itu sendiri memberikan mereka satu cermin atau peta sebagai rujukan mereka untuk menjadi seseorang yang lebih baik dan jenis senang untuk mengadaptasi perkara baru.

Fasa yang terakhir ini jug menunjukkan responden sudah mendalami budaya di UKM dan Malaysia serta sudah mampu menjalani kehidupan seharian tanpa mengalami kesukaran lagi. Secara keseluruhan kestabilan kehidupan responden juga sudah berubah melalui fasa ini dari segi fizikal serta emosi.

4.5 Perbincangan

Melalui hasil kajian yang diperoleh, pengkaji mendapati responden dari Bangladesh (RB) merasakan dirinya lebih liberal yang bermaksud menekankan hak-hak peribadi yang berkaitan cara hidup seperti mempunyai kebebasan berfikir, kebebasan bersuara serta kebebasan beragama apabila berada di Malaysia. Hal ini kerana, komunikasi di negaranya dibekukan antara komuniti. Malah, di sini juga beliau dapat mempelajari tentang Islam dengan lebih mendalam kerana di sini beliau dapat merasakan Islam itu indah kerana tidak membezakan lelaki dan perempuan untuk memasuki masjid. Responden ini menunjukkan bahawa beliau dapat mengadaptasi dirinya dengan baik serta dapat memperbaiki dirinya juga.

Responden daripada Iraq (RQ) pula, beliau menunjukkan tiada masalah yang besar untuk beliau hadapinya di sini kerana ianya merupakan pengalaman keduanya berhijrah ke negara lain. Beliau beranggapan bahawa pengalaman pertamanya ketika melanjutkan pengajian dalam bidang sarjana memberikan kesan yang positif di mana pengalaman tersebut membantu beliau dalam mengadaptasikan dirinya dengan budaya serta persekitaran baru di UKM dan Malaysia. Namun, hanya masalah cuaca sahaja yang memberikan kesukaran kepadanya kerana beliau mengatakan cuaca di sini sangat panas dan tidak sesuai untuk manusia kerana kelembapannya tetapi masalah tersebut dapat diatasi dengan mudah. Oleh sebab itu, responden ini menunjukkan bahawa beliau tidak melalui fasa *culture shock* atau kejutan budaya yang rumit.

Seterusnya, responden dari Negara North China (RC) menunjukkan bahawa beliau melalui kesemua fasa dalam teori Lekuk-U dimana beliau menghadapi kesukaran dalam menyesuaikan diri di sini terutama dari segi bahasa. Hal ini kerana beliau bukan sahaja tidak tahu bagaimana untuk berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia bahkan tidak fasih juga untuk berbahasa Inggeris. Perkara ini memberikan kesukaran kepadanya untuk memahami silibus dalam kuliah dan juga untuk berkomunikasi dengan pelajar lain. Namun, beliau dapat menunjukkan bahawa di UKM dan Malaysia telah mengubah dirinya dan persepsi tentang dirinya supaya berusaha dan menggunakan Youtube sebagai jalan penyelesaian beliau untuk menghadapi masalah tersebut. Responden ini menunjukkan proses akulturasi berlaku terhadap dirinya.

Menerusi hasil kajian yang diperolehi daripada responden dari negara Pakistan (RP) menunjukkan bahawa beliau menghadapi masalah dalam berkomunikasi dengan pelajar tempatan bahkan pihak pengurusan universiti juga. Hal ini kerana kesukaran untuk

berbahasa Inggeris dapat dikenapasti sebagai punca terhadap masalah tersebut. Malah, beliau juga dapat merasakan pelajar tempatan di sini bersifat perkauman dan ternyata agak susah untuk mempunyai perbualan yang panjang dan berterusan dengan pelajar tempatan. Beliau juga menunjukkan fasa kejutan budaya yang dilaluinya agak memberi impak kepada dirinya sehingga beliau pernah mengasingkan dirinya selama sebulan kerana menghadapi kesukaran untuk menjalinkan hubungan persahabatan dengan pelajar tempatan mahupun pelajar antarabangsa. Tambahan pula, beliau juga membuka mata pengkaji bahawa bahasa Inggeris itu adalah penting kerana ianya merupakan bahasa global yang digunakan di seluruh dunia dan ianya juga membantu dalam mengubah persepsi negatif pelajar antarabangsa terhadap pelajar tempatan.

Selanjutnya, hasil kajian terhadap responden dari Indonesia (RI) mendapati bahawa beliau merasakan negara Malaysia adalah negara yang sesuai buat dirinya kerana beliau berpendapat bahawa budaya Malaysia dan Indonesia agak sama dan ketara. Amalan seharian seperti solat boleh dilakukan tanpa risau serta mudahnya untuk mendapatkan makanan yang halal di merata tempat sangat membantu. Namun, beliau menunjukkan kesukaran yang dihadapi apabila tidak dapat bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik kerana masih lagi keliru diantara Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia

5. Rumusan dan Cadangan

Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa kelima-lima responden yang ditemubual melalui proses akulturasi sepanjang mereka berada di UKM dan Malaysia. Malah, mereka juga membuktikan keempat-empat fasa adaptasi itu berlaku dalam kalangan pelajar perempuan Islam antarabangsa yang jelas sekali menghadapi lebih kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan budaya baru sekaligus mengekalkan identiti diri dan budaya sebagai perempuan Islam. Hal ini kerana, antara masalah yang sering ditimbulkan adalah cabaran sosial serta persekitaran dan perlu diatasi dengan memahami proses adaptasi serta kesan penghijrahan ke atas pelajar.

Melalui hasil kajian yang diperoleh secara keseluruhan, pengkaji mencadangkan agar kajian akan datang mengenai adaptasi budaya pelajar antarabangsa dengan memfokuskan pelajar perempuan Islam boleh diperkembangkan dan diperbanyakkan lagi. Selain itu, menggunakan negara Timur Tengah sebagai responden juga boleh dipertimbangkan kerana seperti yang kita tahu budaya Islam dan cara kita mengamalkannya mungkin berbeza dengan mereka. Oleh yang demikian, data yang diperoleh mungkin lebih konkrit dan boleh memperjelaskan lagi proses akulturasi yang dialami oleh mereka kerana budaya yang sangat berbeza. Jika cadangan ini digunakan pada masa depan, kaedah perbincangan kumpulan fokus boleh digunakan dalam mengumpul data kerana kita boleh mendengar pelbagai pendapat dan tanggapan mereka tentang perbezaan budaya dan bagaiman mereka menyesuaikan diri dengan budaya baru di Malaysia.

Rujukan

- Abdul Latiff Ahmad, Nur Zalila Md Zamri, Ali Salman, Mirza Wati Mohamed & Hasrul Hashim. (2014). Isu-Isu dan Masalah Adaptasi Antarabudaya Dalam Kalangan Pelajar Malaysia Di United Kingdom Dan Australia. *Journal of Social Science and Humanities*. Vol. 9, No.2, 162-171, ISSN: 1823-884x : 163-170.
- Hazza M. Abu Rabia. (2017). Undegraduate Arab international students' adjustment to U.S Universities. *International Journal of Higher Education*, Vol 6, No.: 131-137.

- Maram H. Abu Rayya, Walker, R, Fiona A. White & Abu-Rayya. (2016). Cultural identification and religious identification contribute differentially to the adaptation of Australian adolescent muslims. *International Journal of Intercultural Relations* 54 : 21-33.
- McDermott-Levy, R. (2011). Going alone: The lived experience of female Arab-Muslim nursing students living and studying in the United States. *Nurs Outlook* 59 : 266-277.
- Possamai, A, Hopkins, P.E, Dunn, K & Faroque Amin. (2016). Muslim students' cultural and religious experiences in city, suburban and regional university campuses in NSW, Australia. *Journal of Higher Education Policy and Management*, Vol 38, No 6 : 637-648.
- Yu-Yi Grace Chien. (2016). After six decades: Applying the U-Curve hypothesis to the adjustment of international postgraduate students. *Journal of Research in International Education*, Vol 5 (1): 32-51.